

**Pilihan Raya DUN Selangor Diadakan Berasingan Dengan PRU13 - Anwar
Mstar Online
September 12, 2012
Oleh NURUL AIN MOHD HUSSAIN**

PETALING JAYA: Keputusan kerajaan negeri Selangor untuk mengadakan pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) berasingan dengan pilihan raya persekutuan direstui Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar berkata, tindakan tersebut diambil kerana kegagalan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bertindak terhadap pelbagai isu yang dibangkitkan berhubung pilihan raya terutamanya membersihkan daftar nama pemilih yang diragui di Selangor.

"Kerana jumlah ratusan ribu nama masih belum disahkan di Selangor, maka saya bersetuju dengan pandangan Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bahawa Selangor tidak akan mengadakan pilihan raya DUN sekiranya ia diadakan dalam masa terdekat.

"Ini kerana SPR belum membersihkan nama-nama seperti dibangkitkan berulang kali," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi Pakatan Rakyat di ibu pejabat Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada Rabu.

Beliau mendakwa SPR masih lagi gagal mengatasi masalah pembersihan daftar pemilih walaupun kerajaan negeri Selangor telah menyatakan kesediaan untuk menyediakan dana bagi membantu proses tersebut.

"Kerajaan negeri Selangor malah menyediakan dana untuk membantu dalam proses ini, tapi SPR masih gagal bertindak untuk membersihkan nama-nama dan penipuan di Selangor.

"Oleh itu saya menyokong pendirian kerajaan negeri Selangor," tegasnya.

Ketua Umum Pakatan Rakyat itu turut menjangkakan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) akan diadakan awal November ini.

Justeru, Pakatan Rakyat akan mengadakan satu konvensyen besar-besaran pada 3 November ini yang dijangka akan berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Konvensyen tersebut dipengerusikan oleh Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali ini kata Anwar adalah bertujuan untuk memperkemaskan jentera-jentera Pakatan di seluruh negara bagi menghadapi PRU-13.

"Konvensyen ini bertujuan untuk mengumpulkan jentera Pakatan di seluruh negara untuk diberikan pengarahan dalam pilihan raya.

"Dan ini disebut sebagai 'mega konvensyen' kerana melibatkan jentera seluruh Pakatan," ujarnya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri ini turut menyatakan keyakinan beliau yang Pakatan berkemampuan untuk berjaya pada pilihan raya kali ini.

"Kita menjangkakan PRU-13 akan diadakan akhir Oktober atau awal November dan kita yakin akan menawan Putrajaya kali ini," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/9/12/mstar_berita/20120912152202&sec=mstar_berita